

20/06/2004

Debar pencalonan bahagian

UMNO seakan-akannya sarat dengan kebimbangan. Sama ada kekusaran yang wajar diberi pertimbangan atau sekadar mewakili kelompok kecil yang kemudiannya menjadi ikutan yang lain, sukar untuk dipastikan ketika ini.

Dengan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Datuk Seri Mohd Najib Razak dijangka tidak ditandingi bagi jawatan nombor satu dan dua dalam parti pada Perhimpunan Agung Umno pada 23-25 September ini - apatah lagi Majlis Tertinggi sudah memutuskan pendirian berkenaan - perebutan tiga kerusi Naib Presiden menjadi bualan hangat.

Maka, persoalan yang dibangkitkan ialah apakah perlu Umno bahagian Kepala Batas dan Pekan, yang masing-masing Abdullah dan Najib adalah ketua penajanya, perlu mengemukakan pencalonan.

Dari satu sudut, siapa tiga calon Naib Presiden yang bakal dinamakan oleh kedua-dua bahagian itu dalam mesyuarat masing-masing nanti - Kepala Batas pada 17 Julai manakala Pekan dijangka pada 11 atau 18 Julai - dikhuatiri mempengaruhi perwakilan. Dari sudut yang lain pula, ia dibimbangi menyebabkan ada pihak tersinggung.

Di samping itu, sudah ada juga pertanyaan berbeza apakah jika kedua-dua bahagian itu memilih untuk membuat pencalonan nanti, maka senarai masing-masing untuk jawatan Naib Presiden perlu serupa atau tidak mengapa jika ia berlainan?

Malah, kalau hendak difikirkan dari segi sensitivitinya, akan ada banyak lagi persoalan yang akan dilontarkan, tidak terkecuali dari segi susunan nama siapa yang hendak didahulukan sebagai bayangan calon mana yang lebih menjadi pilihan.

Di sebalik itu pula, apakah wajar Umno Bahagian Kepala Batas dan Pekan dinafikan hak pada ketika kata putus sebenarnya di tangan perwakilan pada Perhimpunan Agung nanti?

Memang sejarah Umno mencatatkan pada pemilihan parti pada 2000, ketiga-tiga calon Naib Presiden yang dicalonkan Umno Bahagian Kubang Pasu yang diketuai Presiden Umno ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad, kesudahannya menang.

Walaupun Dr Mahathir mengambil sikap berkecuali, pencalonan Najib, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin ketika itu dilihat sebagai 'restu' beliau.

Sebagaimana yang sudah diakui Pak Lah, keadaannya tidak akan berbeza kali ini. Siapa juga yang akan dicalonkan oleh Umno Bahagian Kepala Batas akan dilihat sebagai mendapat restu beliau.

Walaupun Perdana Menteri sudah menyatakan pencalonan oleh bahagian yang diketuainya dan juga Umno Bahagian Pekan tidak semestinya menjadi petunjuk siapakah yang harus memegang jawatan tertentu pada pemilihan nanti, tiada apa-apa yang boleh dilakukan jika di dalam kelompok Umno sendiri sudah ada tanggapan berbeza.

Sang Lamri melihat sebarang pendirian untuk kedua-dua bahagian itu mengambil pendirian berkecuali dengan tidak membuat pencalonan bukanlah jalan penyelesaian, apatah lagi sesudah Majlis Tertinggi (MT) pada tahun 2000 mengarahkan semua bahagian yang mengadakan mesyuarat perwakilan, membuat pencalonan penuh bagi mengisi semua jawatan utama dalam parti.

Seharusnya Umno tidak lagi menoleh ke belakang dan langkah ke hadapan yang harus diambil ialah untuk semua bahagian mengemukakan pencalonan penuh - berbanding memikirkan sangat kemungkinan ia menyinggung sekelompok kecil yang harus arif bahawa adat bertanding tidak akan memenangkan

semuanya.

Tiada juga salahnya pencalonan yang bakal dibuat Umno Bahagian Kepala Batas nanti ditafsirkan sebagai calon pilihan Pak Lah. Sebagai pemangku Presiden yang akan mengambil alih teraju kepemimpinan parti, tentulah menjadi harapannya untuk mewujudkan gandingan mantap di kalangan mereka yang difikirkannya paling berkeelayakan.

Sang Lamri yakin dan percaya siapa pun yang dicalonkan Umno Bahagian Kepala Batas dan Pekan, perwakilan pada Perhimpunan Agung Umno nanti sudah mencapai tahap kematangan untuk membuat penilaian terbaik.

(END)